

TAJUK

KERANGKA SILIBUS SILAT OLAHRAGA UNTUK MURID-MURID SEKOLAH RENDAH

AZLI BIN PUDDIN

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan
Ijazah Doktor Falsafah Pendidikan

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

MAC 2023

Teristimewa untuk

*Bonda dan arwah Ayahanda tercinta,
Halimah binti Ibrahim dan Al-Marhum Puddin bin A.Rahman*

*Isteri, Anak-anak dan Adik-beradik yang dikasihi
Shuhazliza binti Shariff, Anis Humairah binti Azli, Anis Nuur Iman binti Azli,
Qaisarah Sofea binti Azli, Nawal Hanna binti Azli
A.Samah bin Puddin , A.Nazri bin Puddin, Isa bin Puddin dan Saidah binti Puddin*

*Insan yang telah pergi
Al-Marhum Mbah Raden Jayapati*

Rakan-rakan yang bertugas di

*Pusat Sukan Universiti UTHM, Majlis Sukan Universiti Malaysia, Persekutuan Silat
Kebangsaan Malaysia.*

*Doa, kesabaran serta sokongan kalian semua adalah kekuatan buat hamba Allah
yang kerdil ini untuk meneruskan kelangsungan hidup dan mengapai impian.
Terima kasih yang tidak terhingga atas segala doa, bantuan dan pengorbanan yang
telah diberikan.*

PENGHARGAAN

Alhamdulillah dengan rasa rendah diri, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani kerana dengan limpah dan kurniaNya dapat saya sempurnakan kajian dan penulisan ini dengan jayanya. Terima kasih Ya Allah kerana sentiasa mempermudah urusan sepanjang dalam pengajian ini. Ucapan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan kepada penyelia, Dr Badaruddin bin Ibrahim di atas segala bimbingan, tunjuk ajar, nasihat dan panduan serta dorongan yang dicurahkan sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas bantuan dan sokongan dalam melengkapkan kajian ini. Ribuan terima kasih juga kepada Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia, Majlis Sukan Negeri Johor, Kementerian Belia dan Sukan Malaysia, Persatuan Teakwondo Malaysia, Persatuan Karate Malaysia dan Persatuan Muay Thai dan Kick Boxing Malaysia. Tidak ketinggalan juga pada Datuk Osman Bin Nok dan para jurulatih serta Panel SPKK Pesaka Malaysia. Buat sahabat karib yang telah dan banyak berkorban dari segi masa dan harta, terima kasih di atas segalanya. Jasamu dikenang selamanya.

Tidak dilupakan juga pensyarah dan staf UTHM kerana sudi memberikan kerjasama sepanjang kajian ini dijalankan. Tidak ketinggalan penghargaan ini ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan terutamanya rakan-rakan yang banyak membantu dan berkongsi idea. Tidak ketinggalan juga pada semua individu yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam kajian ini. Akhir kata, semoga kajian ini dapat memberikan sumbangan dan manfaat kepada semua dan beroleh keberkatan dari Allah S.W.T. Terima kasih semua.

ABSTRAK

Ketiadaan silibus silat olahraga di peringkat sekolah rendah membantutkan usaha kerajaan untuk mencapai matlamat dalam falsafah pendidikan negara. Oleh itu, tujuan kajian ini adalah untuk membina kerangka silibus silat olahraga murid sekolah rendah bagi membentuk kompetensi mereka berdasarkan domain-domain pengajaran iaitu kognitif, afektif dan psikomotor. Kajian ini berbentuk kualitatif iaitu menggunakan kaedah temubual separa struktur dan persampelan bertujuan yang menggunakan enam orang pakar dari Persekutuan Silat Kebangsaan (PESAKA) dan tiga orang daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Instrumen yang digunakan adalah diri pengkaji sendiri. Proses Pengumpulan data pula menggunakan kaedah DACUM dimana pengkaji melalui lima proses iaitu bengkel dua hari, bengkel kesahan, kajian semula pengurusan, analisis tugas dan pembangunan kokurikulum. Analisis data kajian ini menggunakan kaedah tematik yang melibatkan proses koding, membentuk sub tema, membentuk tema bagi menjawab persoalan kajian. Proses ini melibatkan pengasingan dan penyusunan data daripada transkrip pakar. Dapatan kajian menunjukkan bahawa domain pengajaran seperti kognitif, afektif dan psikomotor merupakan domain yang mempengaruhi kompetensi murid dalam silibus silat olahraga. Silibus yang dihasilkan mengabungkan domain-domain ini mengikut umur, kemampuan dan kematangan murid. Proses pengesahan data menjadikan kandungan silibus silat lebih baik dan mengikut perkembangan pendidikan dan kejurulatihan terkini. Silibus ini turut disusun mengikut tahap kematangan dan kesukaran murid dengan menerapkan teknik pedagogi dalam latihan dan pengajaran. Teknik penguasaan dalam pedagogi ini amat perlu kerana psikologi murid sekolah rendah amat berbeza dengan pelajar sekolah menengah. Disebabkan itu, latihan multilateral yang bersifat seronok, berkonsepkan bermain, dan melibatkan pergerakan kesemua anggota badan dititikberatkan dalam kerangka silibus ini. Selain itu, kajian ini boleh membantu memperbaiki pembentukan silibus silat olahraga sekolah rendah dan membangunkan kompetensi pelajar berdasarkan tiga domain tersebut.

ABSTRACT

The lack of a martial arts syllabus in primary schools impedes the government's efforts to meet the aims of the national education philosophy. Therefore, this study aims to build a martial arts syllabus framework for primary school students to develop their competencies based on the domains of teaching, namely cognitive, affective and psychomotor. This study is qualitative, using semi-structured interviews and purposive sampling using six experts from the National Silat Federation (PESAKA) and three people from the Ministry of Education Malaysia. The instrument used was the researcher himself. The data collection process uses the DACUM method, where the researcher goes through five phases: a two-day workshop, validation workshop, management review, assignment analysis, and co-curriculum development. Data analysis of this study uses thematic methods that involve the coding process, forming sub-themes, and forming themes to answer research questions. This process consists of the isolation and compilation of data from expert transcripts. The findings show that the teaching domains such as cognitive, affective, and psychomotor are the domains that affect the competence of students in the martial arts syllabus. The syllabus combines these domains according to the students' age, ability, and maturity. The data validation process improves the silat syllabus's content and aligns with the latest educational and coaching developments. The syllabus is also arranged according to students' maturity level and difficulty by applying pedagogical techniques in training and teaching. The mastery technique in this pedagogy is essential because the psychology of primary school students is very different from that of secondary school students. As a result, this syllabus framework emphasizes multilateral activities that are entertaining, play-conceptualized, and require the movement of all limbs. Thus, this study can improve the development of the primary school martial arts syllabus and develop student competencies based on these three domains.

ISIKANDUNGAN

TAJUK	i
PENGAKUAN	ii
DEDIKASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xv
SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
 BAB 1 PENGENALAN	 1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Masalah	7
1.3 Pernyataan Masalah	12
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Persoalan Kajian	14
1.6 Kerangka Teori Kajian	15
1.7 Batasan dan Skop Kajian	17
1.8 Definisi Operasional	18
1.9 Kepentingan Kajian	21
1.10 Rumusan	23
 BAB 2 KAJIAN LITERATUR	 25
2.1 Pengenalan	25

2.2	Kepentingan Sukan Sebagai Kokurikulum.	27
2.3	Kepentingan Sukan dan Seni Bela Diri di Sekolah	32
2.4	Modul Pengajaran dan Pembelajaran yang Dicadangkan Bagi Kajian	41
2.5	Model Kokurikulum Tyler (1949)	46
2.6	Pengisian Ko-Kurikulum Silat Olahraga di Sekolah Rendah	47
2.7	Kaedah Pembentukan Kokurikulum	53
2.8	Kompetensi murid	58
2.9	Rumusan	63

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN 64

3.1	Pengenalan	64
3.2	Rekabentuk Kajian	65
3.3	Kerangka Kerja	68
3.4	Protokol Temubual	70
3.5	Sampel Bertujuan	73
3.6	Profil Pakar Temubual	75
3.6.1	Pakar Temubual A1	76
3.6.2	Pakar Temubual A2	77
3.6.3	Pakar Temubual A3	77
3.6.4	Pakar Temubual A4	78
3.6.5	Pakar Temubual A5	79
3.6.6	Pakar Temubual A6	79
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan	82
3.8	Proses Kerja DACUM	83
3.8.1	Proses Pertama: Pengendalian Bengkel Dua Hari	84
3.8.2	Proses kedua: Pengendalian Bengkel Kesahan Modul	89
3.8.3	Proses Ketiga: Proses Kajian Semula Pengurusan	90
3.8.4	Proses Keempat: Analisis Tugas	91
3.8.5	Proses Kelima: Pembangunan Ko-Kurikulum	92
3.9	Kaedah Analisis Data	92
3.10	Rumusan	94

BAB 4	DAPATAN KAJIAN	95
4.1	Pengenalan	95
4.2	Menjana Data Temubual	96
4.3	Elemen dalam domain pembelajaran yang penting dalam kokurikulum silat olahraga sekolah rendah	100
4.3.1	Tema Afektif	101
4.3.2	Tema Psikomotor	104
4.3.3	Tema Kognitif	106
4.4	Domain pengajaran yang paling penting dalam pembentukan kokurikulum silat olahraga di sekolah rendah.	107
4.5	Kompetensi Umum dan Kompetensi Spesifik Murid Berumur Tujuh hingga 12 Tahun	109
4.5.1	Tema Kompetensi Umum	110
4.5.2	Tema Kompetensi spesifik	111
4.5.3	Skop Kompetensi Bagi Umur Tujuh Sehingga Dua Belas Tahun.	112
4.6	Perbezaan dalam kompetensi antara pelajar silat olahraga pada setiap peringkat had umur	120
4.7	Membangunkan silibus kokurikulum silat olahraga di sekolah rendah menggunakan kaedah DACUM dan teori-teori pembelajaran bagi kegunaan murid, pengajar dan jurulatih silat olahraga sekolah rendah	121
4.7.1	Pengenalan silat	122
4.7.2	Sejarah	122
4.7.3	Penerapan Domain Pengajaran	125
4.7.4	Asas Kecergasan	126
4.7.5	Teknik-teknik Asas Silat	127
4.7.6	Pedagogi Dalam Pendidikan Silat	128
4.7.7	Penguasaan Murid Terhadap Kemahiran Spesifik Dalam Latihan	129
4.7.8	Kebolehan Melakukan Pergerakan Spesifik	132
4.7.9	Kemahiran Adaptasi	133
4.7.10	Penguasaan Dan Kefahaman Domain Pengajaran	134
4.7.11	Penilaian Kokurikulum	135



4.8	Faktor penghalang utama yang sering timbul dalam pembentukan kokurikulum sukan terutama silat bagi sekolah rendah	142
4.9	Kutipan Data Proses Kesahan	144
4.10	Tema Bagi Domain Pembelajaran	157
4.11	Domain pengajaran yang paling penting dalam pembentukan kokurikulum silat olahraga di sekolah rendah	165
4.12	Kompetensi umum dan kompetensi spesifik murid berumur tujuh hingga 12 tahun	166
4.12.1	Kompetensi Umum – Kompetensi Multilateral	166
4.13	Perbezaan dalam kompetensi antara murid silat olahraga pada setiap had umur.	173
4.14	Membangunkan silibus kokurikulum silat olahraga di sekolah rendah menggunakan kaedah kegunaan, murid, pengajar dan jurulatih silat olahraga di sekolah rendah.	173
4.14.1	Tema Sejarah silat	174
4.14.2	Tema Tokoh Silat	175
4.14.3	Tema Falsafah dan Pendidikan	176
4.14.4	Tema Sosialisasi Melalui Silat	176
4.14.5	Tema Domain Pengajaran	177
4.14.6	Tema Asas Silat	180
4.14.7	Tema Pedagogi Pengajaran Silat	181
4.14.8	Tema Penilaian Dan Analisis	182
4.15	Faktor penghalang utama yang sering timbul dalam pembentukan kokurikulum sukan terutama silat bagi sekolah rendah.	183
4.16	Persamaan Dan Perbezaan Semasa Bengkel Dan Proses Kesahan Data Dalam Kajian	184
4.17	Latihan Mutilateral dan Latihan Spesifik	186
4.18	Risiko Kecederaan	188
4.19	Pengesahan Ketiga	189
4.20	Kerangka Silat Olahraga Kearah Pembentukan Kompetensi Murid Sekolah Rendah.	191
4.21	Proses Analisis Tugasan	233
4.22	Rumusan	264

BAB 5	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN	266
5.1	Pengenalan	266
5.2	Rumusan Terhadap Respondan	269
5.3	Elemen dalam domain pembelajaran yang akan diterapkan dalam kokurikulum silat olahraga di sekolah rendah dan persoalan kajian domain pengajaran apakah yang paling penting dalam pembentukan kokurikulum silat olahraga.	271
5.4	Kompetensi umum dan kompetensi spesifik berdasarkan umur tujuh hingga 12 tahun dan persoalan kajian adakah terdapat perbezaan dalam kompetensi antara pelajar pada setiap had umur.	283
5.5	Membangunkan kokurikulum silat olahraga di sekolah rendah menggunakan kaedah DACUM bagi kegunaan murid, pengajar dan jurulatih silat olahraga di seklh rendah dan persoalan kajian apakah factor penghalang utama yang sering timbul didalam pembentukan kokurikulum sukan terutama silat bagi sekolah rendah.	293
5.6	Kandungan Kerangka Silibus Silat Olahraga Murid Sekolah Rendah	300
5.7	Kepentingan Kajian	305
5.8	Implikasi Kajian	306
5.9	Cadangan Kajian Lanjutan	309
5.10	Rumusan	310
5.11	Kesimpulan	312
	RUJUKAN	314
	LAMPIRAN A	323
	VITA	330

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
Jadual 1.1:	Pungutan pingat acara pencak silat pasukan Malaysia	11
Jadual 3.1:	Ringkasan profil pakar temubual	80
Jadual 4.1:	Tema-tema yang telah dikenalpasti	97
Jadual 4.2:	Tema yang telah dikecilkan	98
Jadual 4.3:	Petikan temubual yang mempunyai tema afektif	102
Jadual 4.4:	Petikan temubual yang mempunyai tema psikomotor	104
Jadual 4.5:	Petikan temubual yang mempunyai tema kognitif	106
Jadual 4.6:	Domain pilihan pakar	108
Jadual 4.7:	Petikan temubual	108
Jadual 4.8:	Petikan temubual bagi skop kompetensi umum	114
Jadual 4.9:	Petikan temubual bagi skop kompetensi spesifik	116
Jadual 4.10:	Petikan temubual bagi kemahiran dan skop kompetensi	119
Jadual 4.11:	Petikan temubual bagi perbezaan kompetensi antara murid pada setiap peringkat umur	120
Jadual 4.12:	Petikan temubual bagi pengenalan silat	122
Jadual 4.13:	Petikan temubual bagi skop sejarah	123
Jadual 4.14:	Petikan temubual bagi penerapan domain pengajaran	126
Jadual 4.15:	Petikan temubual bagi asas kecergasan	126
Jadual 4.16:	Petikan temubual bagi teknik asas silat	127

Jadual 4.17:	Petikan temubual bagi pedagogi dalam silat	129
Jadual 4.18:	Petikan temubual bagi penguasaan murid terhadap kemahiran spesifik dalam latihan	130
Jadual 4.19:	Petikan temubual bagi kebolehan melakukan pergerakan spesifikasi	133
Jadual 4.20:	Petikan temubual bagi kemahiran adaptasi	133
Jadual 4.21:	Petikan temubual bagi penguasaan dan kefahaman domain pengajaran	134
Jadual 4.22:	Petikan temubual bagi penilaian kokurikulum	136
Jadual 4.23:	Hasil pecahan tajuk	138
Jadual 4.24:	Kerangka silibus silat murid sekolah rendah	140
Jadual 4.25:	Petikan temubual bagi faktor penghalang utama dalam pembentukan kerangka kokurikulum silat olahraga	143
Jadual 4.26:	kod pusingan kedua iaitu pengesahan data	144
Jadual 4.27:	Pusingan kedua	149
Jadual 4.28:	Domain Kognitif	159
Jadual 4.29:	Domain Afektif	161
Jadual 4.30:	Domain Psikomotor	162
Jadual 4.31:	Petikan temubual bagi domain psikomotor	162
Jadual 4.32:	Pilihan domain semasa bengkel DACUM dan selepas penngesahan	165
Jadual 4.33:	Jadual latihan yang dicadangkan oleh pakar A1	168
Jadual 4.34:	Jadual latihan yang dicadangkan oleh pakar A6	170
Jadual 4.35:	Petikan temubual bagi kompetensi umum dan spesifik	172
Jadual 4.36:	Petikan temubual bagi perbezaan kompetensi murid mengikut umur	173
Jadual 4.37:	Petikan temubual bagi sejarah silat	174
Jadual 4.38:	Petikan temubual bagi tokoh	175
Jadual 4.39:	Petikan temubual bagi falsafah dan pendidikan	176
Jadual 4.40:	Petikan temubual bagi sosialisasi melalui silat	177
Jadual 4.41:	Petikan temubual bagi domain pengajaran	178

Jadual 4.42:	Petikan temubual bagi pedagogi pengajaran silat	181
Jadual 4.43:	Petikan temubual bagi penilaian dan analisis	182
Jadual 4.44:	Petikan temubual faktor penghalang pembentukan kokurikulum	183
Jadual 4.45:	Pengesahan domain pengajaran	186
Jadual 4.46:	Pengesahan ketiga	190
Jadual 4.47:	Kerangka kurikulum bagi murid 7 tahun	191
Jadual 4.48:	Kerangka kurikulum bagi murid 8 tahun	196
Jadual 4.49:	Kerangka kurikulum bagi murid 9 tahun	201
Jadual 4.50:	Kerangka kurikulum bagi murid 10 tahun	208
Jadual 4.51:	Kerangka kurikulum bagi murid 11 tahun	216
Jadual 4.52:	Kerangka kurikulum bagi murid 12 tahun	225
Jadual 4.53:	Cadangan Kerangka silat olahraga bagi murid umur 7 tahun	234
Jadual 4.54:	Cadangan kerangka kurikulum bagi murid 8 tahun oleh pakar	237
Jadual 4.55:	Cadangan kerangka kurikulum bagi murid 9 tahun oleh pakar	240
Jadual 4.56:	Cadangan kerangka kurikulum bagi murid 10 tahun oleh pakar	243
Jadual 4.57:	Cadangan kerangka kurikulum bagi murid 11 tahun oleh pakar	249
Jadual 4.58:	Cadangan kerangka kurikulum bagi murid 12 tahun oleh pakar	257

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
Rajah 1.1:	Kerangka Konsep Kajian	16
Rajah 2.1:	Langkah-langkah dalam Proses DACUM	42
Rajah 2.2:	Model Bersepadu	43
Rajah 2.3:	Teori Lumpkin (1990)	44
Rajah 2.4:	Model Kerr's (2015)	44
Rajah 2.5:	Model Kurikulum Tyler	46
Rajah 3.1:	Kerangka Kerja Kajian.	70
Rajah 3.2:	Proses Kerja DACUM	84

SENARAI SIMBOL DAN SINGKATAN

PESAKA	-	PERSEKUTUAN SILAT KEBANGSAAN
MSN	-	MAJLIS SUKAN NEGARA
DACUM	-	DEVELOPMENT OF COCURRICULUM
SUKMA	-	SUKAN MALAYSIA
		KPM – KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN**LAMPIRAN****TAJUK****MUKA SURAT**

A

Penjanaan Kod

323



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Silibus Kokurikulum merupakan satu kaedah pembelajaran di luar bilik darjah yang menekankan aspek pembelajaran dan kemahiran insaniah pada murid. Menurut Esa, Yunos, dan Kaprawi (2004) kokurikulum adalah pelengkap kepada kurikulum, kedua-dua sistem ini merupakan penjana kepada sumber tenaga yang seimbang dari jasmani, emosi, rohani dan intelek. Menurutnya lagi kokurikulum mempunyai peranan yang merangkumi bidang yang luas antaranya pembangunan intergrasi nasional, membantu perkembangan hidup pelajar dan masyarakat melalui pelbagai bidang dan pembentukan kemahiran generik pelajar.

Menurut Rozali dan Puteh (2014) kokurikulum juga dapat didefinisikan sebagai satu saluran pembelajaran yang berasaskan gerak kerja terancang dan sistematik. Jelas kenyataan ini menerangkan bahawa kokurikulum merupakan satu platform untuk murid mempelajari sesuatu ilmu yang meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran insaniah mereka. Aktiviti kokurikulum adalah penting dalam membantu pelajar melengkapkan proses pembelajaran, perubahan dan peningkatan dalam perubahan tingkah laku yang mempengaruhi sahsiah dan emosi pelajar. Aktiviti kokurikulum memberi pengalaman dan impak yang penting kepada tingkah laku dan kemahiran pelajar.

Dalam membangunkan kokurikulum, silibus sesuatu subjek atau mata pelajaran ini amat penting dalam menentukan halatuju subjek tersebut. Silibus yang baik akan menampilkan pelbagai aspek termasuk domain-domain pengajaran. Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025(2012) (PPPn 2013-2025) menerangkan Kokurikulum merupakan satu medium yang sangat penting untuk membentuk kompetensi pelajar di sekolah rendah kerana ia mempunyai nilai-nilai

pengajaran kearah pembentukan sahsiah diluar bilik darjah. Selain itu juga ia merupakan ruang dan peluang untuk murid berinteraksi dan mempraktikkan kebolehan memimpin, berkomunikasi, menyelesaikan masalah dan kemahiran mendengar arahan secara lisan. Penerapan domain pembelajaran seperti Kognitif, Afektif dan Psikomotor merupakan asas pendidikan yang harus ditekankan didalam setiap pembentukan kokurikulum sukan terutama di sekolah rendah. Kokurikulum sukan yang lengkap dan sempurna mampu untuk membentuk murid sekolah rendah menjadi generasi penerus yang kompeten dan menjadi modal insan yang berguna pada Malaysia.

Kajian ini juga melihat sejauh mana silibus sukan silat olahraga mampu membentuk kompetensi pelajar melalui domain-domain pengajaran yang akan dibincangkan. Silat merupakan salah satu seni bela diri tradisional bangsa melayu yang kini berevolusi menjadi sukan dan kokurikulum di sekolah. Kamus Dewan edisi ke-4,

silat didifinasikan sebagai seni atau kepandaian yang melibatkan ketangkasan menyerang dan mempertahankan diri. Mengikut Kamus Bahasa Indonesia KBBI silat bermaksud pergerakan tubuh badan yang berkonsepkan kecergasan dan ketangkasan menyerang dan membela diri samada bersenjata atau tangan kosong, bersilat pula

bermaksud bermain silat, bergaduh dengan kaedah menyerang, ketangkasan dan mempertahankan diri. Menurut Anuar (1992) Silat merupakan antara kokurikulum seni bela diri yang terawal di Asia tenggara. Kokurikulum ini berkembang sejak dari awal 70-an hingga kini, dan terus berevolusi. Dalam intitusi melayu, silat memainkan peranan yang penting dalam pelbagai aspek dari seperti pendidikan, politik, budaya dan juga sosioekonomi. Menurut beliau lagi perkembangan silat disekolah rendah telah wujud dari awal tahun 70-an dan ia didominasi oleh persatuan-persatuan silat tempatan yang mengajar mata pelajaran berdasarkan kepada silibus tradisional silat. Beliau menjelaskan lagi kokurikulum silat adalah usaha menterjemahkan ilmu atau kandungan silat dalam bentuk yang teratur. Kokurikulum ini memberi satu dimensi

baru kepada murid dimana silat bukan sahaja dianggap sebagai satu warisan kebudayaan dan seni malah ia juga mampu untuk menjadi sukan utama kepada negara.

Pada peringkat awal kokurikulum silat di sekolah adalah bersifat mata pelajaran tradisional, struktur silibus adalah berdasarkan mata pelajaran silat melayu tempatan yang mengamalkan pendidikan tradisi gelanggang bangsal dan muzik silat baku Malaysia. Sebagai contoh silibus tradisional silat Gayung Fatani adalah seperti bunga silat, tapak empat, jurus belebat, bunga sembah, tempur bela diri dan bunga silat atau lela sembah Anuar (2007). Beliau menyatakan kokurikulum silat mempunyai

beberapa tunjang yang menjadi rujukan utama bagi silibus silat melayu tradisional iaitu berasaskan bangsa atau keturunan melayu dan beragama Islam, tunjang ini adalah untuk memastikan silat melayu didaulatkan oleh bangsa melayu yang beragama islam agar ia kekal dihormati dan disanjung. Penerapan dan penekanan agama islam dalam pelajaran silat adalah bertujuan untuk membentuk insan yang berguna dari aspek kerohanian yang disebut insan kamil.

Kenyataan diatas diperkuatkan lagi oleh Shapie dan Elias (2016), silat seni merupakan salah satu seni bela diri yang menjadi kokurikulum di sekolah. Dalam kokurikulum ini, pelajar akan mempelajari seni beladiri, teknik pertempuran, dan menghadapi serangan. Menurut beliau lagi, Silat Gayung Fatani Malaysia mempunyai pelbagai peringkat silibus di dalam kukurikulum yang diajarkan dan ia boleh dilihat pada warna tali pinggang pesilat. Kokurikulum silat seni yang diajar adalah seperti bunga, jurus, belebat, tapak, buah pukul, tempur seni dan tempur beladiri. Beliau menegaskan seni silat merupakan warisan yang harus dikekalkan sebagai identiti negara dan kokurikulum silat seni merupakan bukti sumbangan Malaysia pada dunia.

Setiap kokurikulum yang dibentuk adalah bertujuan untuk membentuk kompetensi murid dalam pelbagai aspek pembelajaran. Menurut Siraj dan Ibrahim (2013) Kompetensi murid sekolah rendah terdiri dari aspek kognitif, afektif dan psikomotor dan penting untuk membangunkan jatidiri yang seimbang dan membentuk kemahiran insaniah yang sempurna. Beliau menyifatkan kompetensi murid adalah kecekapan murid terhadap tanggungjawab dan tugas yang diberikan. Menurutnya lagi kompetensi juga adalah berkait rapat dengan tranformasi kokurikulum. Kamus dewan edisi keempat 2005, kompeten bermaksud cekap, berwibawa dan terlatih. Kenyataan

ini disokong dan diperkukuhkan lagi oleh Kilue dan Muhamad (2017) yang menyatakan domain penting dalam pengajaran pendidikan jasmani adalah kognitif, afektif dan psikomotor. Komponen ini merupakan komponen yang penting untuk melahirkan generasi yang holistik, sihat, dan cergas.

Usaha pembentukan kokurikulum silat olahraga di sekolah rendah ini disokong oleh beberapa dasar dan program di Kementerian Pendidikan serta dalam Falsafah Pendidikan Negara. Falsafah Pendidikan Negara menyatakan bahawa pendidikan di Malaysia adalah satu usaha yang berterusan melengkapkan pontensi individu dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani. Usaha-usaha ini dinyatakan di dalam isi kandungannya seperti berikut:

“Falsafah pendidikan negara adalah suatu usaha berterusan kearah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan berpadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan dan berakhlak mulia bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga masyarakat dan negara.”

Unsur yang ditekankan didalam pembentukan silibus kourikulum adalah dari konsep jasmani, emosi, rohani dan intelek. Empat unsur ini merupakan panduan dalam membangunkan kokurikulum sukan bagi murid sekolah rendah. Falsafah Pendidikan Negara menjadi teras atau tunjang kepada kokurikulum kerana ia mempunyai matlamat dan wawasan yang jelas didalam pendidikan serta mempunyai unsur-unsur pembangunan dari aspek fizikal dan kerohanian. Program Satu Sekolah Satu Silat juga merupakan wadah kepada pembangunan kokurikulum silat olahraga diperingkat sekolah rendah dan menengah. Program ini dirancang untuk membangunkan dan memartabatkan sukan silat di sekolah sahaja. Program ini merangka silibus tertentu yang hanya fokus kepada silat seni dan persatuan sahaja. Program ini masih lagi dalam pembangunan dan memerlukan penyelidikan yang lebih terancang agar ia memberi impak yang besar kepada negara. Menurut surat daripada Kementerian Pengajian Malaysia bertarikh 24 Ogos 2016 KPSMP 100-1/7/2(79) dan surat siaran Kementerian Pendidikan Malaysia bilangan 10, pada tahun 2016: Garis Panduan Pelaksanaan Program satu Sekolah satu Silat jelas menunjukkan peranan yang dimainkan oleh pihak sekolah dan Kementerian didalam memastikan silat terus berkembang disekolah rendah dan menengah melalui kokurikulum silat.

Pembangunan sukan terutama di sekolah rendah merupakan usaha untuk mencari dan membangunkan bakat serta potensi murid-murid. Dasar Sukan 1997, Dasar Sukan Negara dan Program Satu Sekolah Satu Sihat merupakan panduan kepada pembangunan sukan silat di sekolah. Berikut adalah antara petikan yang menggambarkan keperluan pembangunan sukan di sekolah rendah berdasarkan Akta dan Dasar Kerajaan. Akta Pembangunan Sukan 1997 pula menggariskan di bawah Seksyen 19 Perlembagaan dan Kaedah Kaedah Badan Sukan Yang Lain di bawah akta ini Perkara 1 (a) “Menyatakan untuk mengalakkan dan membangunkan sukannya”. Akta ini menjelaskan bahawa sesuatu sukan itu seharusnya dibangunkan sehingga ke

peringkat akar umbi melalui aktiviti terutama dalam program pengalakan dan pembangunan. Dasar Sukan Negara juga mengariskan pembangunan sukan di sekolah melalui strategi dalam objektif satu iaitu memperkasakan budaya penglibatan, dalam sukan dalam kalangan masyarakat dengan membangun dan menyelaras aktiviti sukan pada peringkat sekolah dengan kerjasama kementerian lain yang terlibat termasuk persatuan sukan kebangsaan.

Menurut Anuar A.W (2007) mendapati bahawa kebanyakan dasar yang dinyatakan tidak dipenuhi kesemuanya, pembangunan sukan silat di sekolah terutama silat olahraga masih lagi ketinggalan. Persatuan tidak menitik beratkan pembangunan silat olahraga di sekolah rendah tetapi hanya memberi tumpuan pada aktiviti silat seni dan perguruan. Jika dilihat dari segi pembangunan peringkat usia dini, remaja dan senior, keadaan ini amat kritikal kerana murid atau pesilat tidak mempunyai asas yang kukuh. Dalam kalender PESAKA Malaysia tidak banyak kejohanan silat untuk sekolah rendah terutama kejohanan yang melihat kepada pembangunan kompetensi murid dalam ketiga-tiga domain pengajaran. Pertandingan yang dibuat adalah lebih kepada domain psikomotor sahaja dan ini amat bertentangan dengan prinsip dan teori psikomotor untuk murid sekolah rendah.

Bagi umur murid diantara tujuh sehingga 12 tahun, pertandingan silat olahraga tidak sesuai kerana pada umur ini kanak-kanak masih lagi didedahkan kepada unsur permainan yang abstrak dan hendak memasuki ke fasa konkrik. Untuk pertandingan yang diwujudkan akan mengundang banyak kesan negatif seperti kecederaan, murid tidak lagi berminat dengan silat dan ketakutan kerana terdapat unsur yang ganas. Daripada kenyataan diatas didapati sememangnya Dasar Sukan Negara, Akta Sukan 1997 dan Program Satu Sekolah Satu Silat yang di cadangkan menekankan kepada pembangunan sukan sehingga ke akar umbi, walaubagaimanapun pendekatan yang dilaksanakan masih lagi tidak secara menyeluruh dan hanya tertumpu kepada silibus persatuan dan silat seni sahaja. Pendekatan sepatutnya melihat juga kepada pembangunan silat olahraga yang sesuai dan mengikut aras.

Perkembangan kokurikulum berupaya membentuk pelbagai dimensi dalam pembangunan fizikal dan, sosial, dan menampilkan sifat-sifat pelajar dalam aspek kognitif, afektif, dan psiko motor (Jani J 2004). Menurutny lagi perkembangan kokurikulum juga berkait rapat dengan perkembangan lokomotor pelajar, pada umur tujuh hingga dua belas tahun murid akan berkembang dari segi fizikal, mental dan juga kemahiran lokomotor, adalah lebih berkesan jika pembentuk silibus kokurikulum

silat ini juga mengambil kira aspek perkembangan motor pelajar kerana ia sedikit sebanyak akan membantu proses pembelajaran pelajar dan disokong dengan aspek sains sukan. Pembentukan silibus kokurikulum berdasarkan kepada perkembangan motor juga akan memberi keyakinan kepada ibu bapa terutama tentang keselamatan anak-anak di dalam sukan.

Juniarta dan Siswantoyo (2014) menambah kenyataan dengan menegaskan konsep sains sukan terutama pembelajaran motor, pada usia murid atau murid sekolah mereka akan lebih cepat mempelajari sesuatu skill atau kemahiran, kemahiran ini adalah keupayaan murid dari segi fisiologi, anatomi dan kompetensi. Pada usia tujuh hingga 12 tahun murid-murid lebih suka bermain dan bergurau antara mereka. Berdasarkan kenyataan ini, jurulatih dan pengajar harus fokus kepada kecenderungan murid sekolah rendah dan setiap modul yang ingin dihasilkan atau dilaksanakan tidak boleh lari dari teori dan konsep bermain dan suasana pembelajaran yang riang. Prastyana (2017) menyifatkan kokurikulum pencak silat merupakan wadah yang meliputi aktiviti fizikal dan kerohanian, kajian pengkaji menunjukkan kegiatan pencak silat mampu memanipulasi kenakalan pelajar di sekolah mahupun yang tidak bersekolah. Melalui pencak silat terdapat empat perkara yang menjadi panduan iaitu silat sebagai alat untuk membentuk mental dan spiritual, seni dan budaya, aspek bela diri dan aspek kesukanan. Penglibatan pelajar dalam silat akan mengubah karektor mereka kepada yang lebih baik dari sebelumnya. Menurut Anuar (2007) Silat merupakan antara kokurikulum seni bela diri yang terawal di Asia tenggara. Perkembangan silat disekolah rendah telah wujud dari awal tahun 70-an lagi dan ia dikuasai oleh persatuan-persatuan silat tempatan yang mengajar berdasarkan kepada silibus tradisional. Dari segi pengurusan dan pengajaran kokurikulum pula, sistem pengajaran silat dari dahulu hingga kini masih lagi bersifat tradisional dan berbentuk latihan bertarung sahaja.

Kokurikulum silat merupakan satu kokurikulum yang mampu membawa murid di sekolah rendah kepada pencapaian kompetensi yang lebih baik berdasarkan kepada domain pelajaran yang diterapkan didalam silibus silat olahraga. Murid akan terdedah kepada fungsi dan keberkesanan domain yang diajar kepada mereka dari pelbagai aspek seperti jasmani, emosi, rohani dan intelek. Silibus yang menarik dan sesuai dengan kehendak kompetensi pelajar akan membentuk satu kesinambungan yang berterusan didalam kokurikulum silat di Malaysia.

1.2 Latar Belakang Masalah

